

Dugaan tak patahkan semangat genggam PhD



Syed Hamid menerima skrol Ijazah PhD daripada Pengerusi AeU, Tan Sri Dr Syed Jalaludin Syed Salim.

» Pengerusi SPAD hasilkan penulisan ilmiah berasaskan penyelidikan, pengalaman

Oleh Siti Nurazlinee Azmi
sitinurazlinee@bh.com.my

Ilmu dan kehidupan tidak dapat dipisahkan kerana keduanya saling memerlukan. Ilmu dalam kehidupan boleh datang melalui pendidikan formal mahupun tidak formal iaitu pengalaman hidup. Usia juga bukan penentu ataupun ukuran untuk seseorang itu terus menuntut ilmu. Apatah lagi mencari ilmu adalah perkara yang dituntut oleh agama Islam.

Sebagai Pengerusi Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), Tan Sri Syed Hamid Albar, menjadikan menimba dan menghayati ilmu sebagai sahabat karib yang mendampingi.

Ilmu yang diperoleh Syed Hamid bermula sejak dibesarkan oleh ibu bapanya, seterusnya di bangku sekolah. Kemudian dipanjangkan dengan pengalaman beliau sendiri menceburi bidang politik, ekonomi, sosial dan begitu juga pada peringkat antarabangsa. Itu semua menjadikannya bukan calang-calang orang.

Syed Hamid, 70, yang memiliki ijazah profesionalnya dalam bi-

dang undang-undang memulakan karier di Jabatan Kehakiman dan Perundangan pada tahun 1970 sebagai Majistret dan selepas itu sebagai Presiden Mahkamah Sesyen pada tahun 1971.

Suami kepada Puan Sri Sharifah Aziah Syed Zainal Abidin ini turut menceburi bidang kewangan dan perbankan di peringkat domestik dan antarabangsa pada tahun 1972 hingga 1986.

“Walaupun keluarga dan kenalan rapat menganggap saya sudah berjaya mencapai apa yang sepatutnya. Tetapi sebenarnya masih ada satu lagi impian saya yang tertangguh iaitu mendapat ijazah Doktor Falsafah (PhD).”

“Saya mahu gelaran Dr tetapi bukan gelaran yang diberi kerana saya melihat mereka yang ada ijazah PhD sebagai individu yang tekun dan memiliki ilmu yang tinggi. Justeru, pada tahun 2011 saya membuat keputusan untuk melanjutkan pelajaran ke tahap PhD dalam subjek dasar luar negara,” katanya.

Pilih penyelidikan ilmiah

Disebabkan itu, Syed Hamid nekad untuk menyambung pengajiannya di peringkat PhD dan memilih Asia e University (AeU) sebagai tempat untuk menyiapkan kajian PhD dan beliau memilih penyelidikan ilmiah yang bertajuk *National Interest in the Foreign Policy of Malaysia: The Mahathir Era 1981 - 2003*. Syed Hamid terpaksa melalui sendiri pahit getir sepanjang bergelar pelajar PhD.

“Tajuk tesis yang dipilih itu menjurus kepada kepentingan negara di zaman Tun Dr Mahathir dari sudut pencapaiannya di

bidang politik, ekonomi, keselamatan dan sosial. Banyak dugaan yang perlu saya dilalui selaku Menteri Luar pada era berkenaan.

“Dasar luar, inisiatif dan hasil yang hendak dicapai yang relevan bagi membolehkan Malaysia memainkan peranan kepemimpinan dikalangan Negara Selatan (*South-South countries*), Umat Islam dan di Rantau Asia Timur termasuk Asean. Dalam dasar luar faktor domestik juga memainkan peranan dalam mempengaruhi Dasar Luar Malaysia,” katanya.

Syed Hamid berkata, dengan panduan daripada penyelia, Profesor Dr Juhary Ali, beliau memulakan kajian kualitatif terhadap dasar luar Malaysia pada era Tun Dr Mahathir dengan membuat penyediaan soalan kepada pegawai Wisma Putra dan individu lain yang terbabit dalam dasar luar dan hubungan antarabangsa, selain menggunakan

pengalaman beliau sendiri sebagai Menteri Luar.

“Walaupun saya faham berkenaan hubungan antarabangsa dan pernah bekerja rapat dengan Tun Dr Mahathir selaku Perdana Menteri ketika itu, saya tidak mahu semata-mata menulis dari sudut pandangan saya seolah-olah ia menjadi sebuah biografi. Saya mahu menghasilkan penulisan ilmiah berasaskan penyelidikan dan pengalaman supaya kajian ini mengikut metodologi akademik yang lengkap,” katanya.

Hasilkan kajian terbaik

Tambah beliau, penulisan akademik tidak boleh menjurus kepada kepentingan peribadi tetapi ditulis berdasarkan teori dan kaji selidik bagi mendapatkan hasil kajian terbaik.

“Pengalaman dan menjadi pelajar di usia yang lewat bukanlah perkara mudah. Ini kerana ia perlu kepada disiplin dan kaji selidik yang tepat dari berbagai pihak termasuk cendekiawan, pakar dalam bidang tersebut serta berbincang dengan mereka yang terbabit dengan dasar luar.

“Semua soalan untuk kaji selidik saya kena sediakan dan mengedar kepada individu yang faham dan pakar dengan tajuk tesis PhD saya. Penulisannya saya perlu tulis semula dan dianalisis untuk mencapai hasil kajian yang menyokong pandangan saya kepada tajuk tesis.

“Walaupun sudah biasa dengan konsep dan polisi antarabangsa kerana saya pernah memegang jawatan sebagai Menteri Luar Negeri tetapi untuk mencerminkan penulisan ilmiah adalah perkara lain. Ada masanya ia amat sukar. Saya terpaksa menulis dan membuat pembetulan beberapa kali

dan berbincang dengan penyelia untuk mendapatkan komen dan pandangan beliau,” katanya.

Setiap peringkat (proses pengajian PhD) dilalui dengan berdepan berbagai cabaran dan jelas beliau, perlu selalu berjumpa penyelia untuk menyemak tugas mengikut jadual sebelum dibentangkan dalam pembentangan tesis dan akhirnya jika tesis diterima oleh Pemeriksa, untuk ‘Viva’ mempertahankan tesis. Semua kerja yang disiapkan perlu dikumpulkan mengikut bab sehingga kepada bab rumusan.

“Sepanjang proses ‘Viva’ bermacam-soalan secara lisan yang dikemukakan pemeriksa berhubung kajian dan metodologi yang digunakan. Soalan mengapa begitu dan tidak begini? Kenapa perlu itu dan ini? Saya memerlukan kesabaran dalam menjawab. Jawab mengikut kehendak sehingga Pemeriksa berpuas hati.

“Pengajian PhD adalah satu proses yang panjang. Perlu menunggu sehingga tiga bulan untuk Pemeriksa menyemak dan memutuskan lulus atau gagal. Selepas ‘Viva’ pula, kena buat pembetulan jika dikehendaki dan seterusnya bila diterima, perlu menyediakan *hard-bound copy*. Dari tarikh penghantaran sampai tarikh konvokesyen, boleh dikatakan proses pengajian PhD saya mengambil masa tiga tahun,” katanya.

Sebelum ini, Syed Hamid pernah dianugerahkan Ijazah PhD Doktor Kehormat bidang penguurusan oleh universiti berkenaan. Anugerah berkenaan diberikan atas jasa dan idea sewaktu menjadi Menteri Luar Negeri sehingga penubuhan universiti itu di Malaysia menjadi kenyataan.



Sharifah Aziah meraikan kejayaan Syed Hamid.

INFO

Pengalaman Syed Hamid Albar

- © 1990 - 1995 – Dilantik sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang.
- © 1995 - 1999 – Dilantik sebagai Menteri Pertahanan.
- © 1999 - 2008 – Dilantik sebagai Menteri Luar.
- © 2008 - 2009 – Dilantik sebagai Menteri Dalam Negeri.